

Bantu kegiatan along, lelaki didenda RM6,000

MIRI: Seorang lelaki didenda RM6,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan membantu kegiatan along atau pemberi pinjaman wang tidak berlesen.

Majistret Ashok Linggam menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Richard Chen Yong Chow, 33, dari Taman Desa Moyan, Jalan Batu Kawa, Kuching mengaku bersalah atas pertuduhan yang

dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 29AA Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah membantu kegiatan pemberi pinjaman wang tidak berlesen.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 8 malam, 25 November lalu di hadapan sebuah restoran di Jalan Sri Dagang di sini.

Ketika rayuan, tertuduh memohon hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.